

FREQUENTLY ASKED QUESTION (FAQ) CONTINUOUS PROFESSIONAL DEVELOPMENT (CPD)

1. Apakah definisi CPD?

Proses pembelajaran untuk pembangunan profesional dan peningkatan kompetensi individu yang membolehkan individu memahami, mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran baharu serta bersedia menghadapi perubahan dan cabaran dalam tugas sepanjang tempoh perkhidmatan.

2. Apakah jenis program/ aktiviti yang boleh dapat Mata CPD?

Aktiviti perolehan atau **perkembangan** kemahiran atau pengetahuan melalui kajian, pengalaman atau perkongsian yang berbentuk formal, tidak formal atau apa-apa kaedah lain yang bersesuaian bagi menutup jurang kompetensi atau pembangunan profesional.

3. Apakah jenis program/ aktiviti yang tidak layak menerima Mata CPD?

Program yang tidak menyumbang kepada perolehan/ perkembangan kemahiran pengetahuan seperti mesyuarat, perbincangan, bengkel kerja, memberi kuliah kepada pelajar, menjadi penunjuk ajar/ penyelia latihan amali pelajar, menjadi penasihat pelajar, menjadi fasilitator kokurikulum pelajar, program yang tidak melibatkan sesi pembelajaran/ perkongsian ilmu/ perkembangan kemahiran atau pengetahuan, program CSR/ Sukarelawan, Program tidak rasmi kecuali program yang menyokong Teras Strategik Universiti.

4. Siapakah yang akan mendaftarkan program di dalam sistem?

Program yang dijalankan akan didaftarkan oleh *User UTMSmile* di setiap PTJ. Setiap PTJ mempunyai sekurang-kurangnya dua orang *User UTMSmile*.

5. Bagaimanakah caranya untuk mendaftarkan program?


User UTMSmile perlu mengisi *Google Form* yang disediakan. Urus setia CTLD akan membantu pendaftaran program di dalam sistem.

**Link Google Form:
Program Anjuran UTM**

**Link Google Form:
Program Anjuran Luar**

6. Berapakah masa yang diambil oleh pihak CTLD untuk mendaftarkan program?

Pendaftaran program di dalam sistem akan dibuat dalam tempoh 5 hari bekerja selepas *User UTMSmile* mengisi *Google Form*.



FREQUENTLY ASKED QUESTION (FAQ) CONTINUOUS PROFESSIONAL DEVELOPMENT (CPD)

7. Mengapa saya perlu mengumpul Mata CPD?


Bagi mematuhi Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam yang menetapkan setiap penjawat awam perlu menghadiri kursus minimum 7 hari (42 mata CPD setahun)

8. Apakah kesannya jika saya tidak dapat mengumpul 42 Mata CPD setahun?

Staf TIDAK akan menerima markah penuh 5% di dalam penilaian prestasi bagi tahun semasa.

9. Dimanakah saya boleh rujuk Garis Panduan CPD Baharu?

Garis Panduan CPD baharu boleh didapati di laman web CTLD. Garis Panduan boleh klik [DI SINI](#).



10. Apakah yang perlu saya lakukan jika saya menghadiri program tetapi masih belum menerima Mata CPD?

Staf perlu menghubungi semula penganjur program bagi menyemak semula status kehadiran program tersebut.

11. Adakah saya perlu mencapai Mata CPD berdasarkan kepada komponen yang telah ditetapkan?

Ya, staf perlu mengumpul Mata CPD berdasarkan kepada komponen (Kepimpinan, Fungsian, Teras, Generik, Strategik Universiti, Umum/ SPI) yang telah ditetapkan.